

TALKING POINT

***BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN***

***NAIB CANSELOR***

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 3 MAC 2010

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu  
Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang Hao, Magandang umaga (Bahasa Filipina), ahroonsawad (Thailand).

First of all, I would like to take this opportunity to congratulate the secretariat and staff who were involved that night for making the Malam Kreativiti Muzikal on (the 27 March) a night to remember. Your active participation in making it possible has been priceless.

It is an honor to have had the opportunity to celebrate the Malam Kreativiti Muzikal with Dato Seri Maximus Ongkili, the Minister of Science Technology and Innovation along with other respected guests from MOSTI. It was not only a great honor, but also a strong platform for us to prove that we are able to take the challenge.

And this in turn has set a benchmark to other universities. It has also created a foundation for strong relations between MOSTI and UniMAP.

Our Minister has also announced support for an increased of MOSTI funds in the future, providing immediate benefits to our research and innovation division.

This is important because not only will it enhance the literacy in science and technology, it will also benefit our researches especially in nanotechnology field.

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi indah ini sekaligus dapat mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan UniMAP.
- Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan yang telah memberikan kerjasama yang jitu dalam merealisasikan lawatan kerja YB Menteri Sains Teknologi dan Inovasi yang juga Menteri Mentor UniMAP, Datuk Seri Maximus Ongkili pada 28 Mac lalu.

- Sesungguhnya kehadiran beliau memberikan lembaran baru dalam bidang penyelidikan terutamanya bidang nanoteknologi. Walaupun bidang ini masih baru, ia memerlukan satu transformasi yang baik dan kita sebagai sebuah universiti kejuruteraan haruslah mengambil kira dengan bersungguh-sungguh agar Malaysia dapat mewujudkan golongan yang celik sains dan teknologi. Ia juga diharap dapat memberi manfaat kepada negara dari segi ekonomi, sosial dan perkembangan sains dan teknologi.
- Selain itu, saya juga amat berterima kasih kepada mereka yang telah menjayakan malam kreativiti MOSTI pada Sabtu lalu yang sememangnya sangat meriah dan penuh warna – warni.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

- Tinggal beberapa hari lagi untuk semua kakitangan UniMAP berkampung di Stadium tertutup UiTM Arau bagi Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP yang bakal berlangsung pada 6 dan 7 Mac ini.
- Sekali lagi saya ingin memohon kerjasama yang jitu dari semua kakitangan untuk mengambil bahagian dalam acara yang dipertandingkan. Dan bagi mereka yang tidak menyertai sebarang acara diseru agar turut serta sebagai penyokong selain memeriahkan kejohanan ini.
- Sebagai Naib Canselor saya berharap semua atlet yang terlibat agar membuat persiapan sebaiknya dan anggaplah kejohanan ini sebagai satu medan untuk anda menguji sejauh mana kemampuan masing-masing serta mengembangkan bakat yang ada ke peringkat yang lebih tinggi.

- Saya juga percaya sekiranya kejohanan ini benar-benar mencapai sasaran dan objektifnya, ia juga bukan sahaja menonjolkan bakat setiap kakitangan malahan turut mengeratkan silaturrahim serta memupuk semangat perpaduan sesama kakitangan UniMAP tidak kiralah antara kakitangan sokongan malahan kakitangan Akademik.

Hadirin sekalian,

- Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini saya juga ingin memaklumkan kepada semua kakitangan bahawa pada petang Isnin lalu, satu bencana telah menimpa Ibu dan Bapa kepada salah seorang pemandu di Pejabat Naib Canselor (En. Abdul Samat Taib) apabila kediaman mereka hangus terbakar dalam satu kebakaran.
- Sebagai langkah inisiatif pihak UniMAP mengadakan kutipan derma kilat bagi meringankan bebanan yang

ditanggung oleh Ibu dan Bapa En. Abdul Samat. Saya menyeru kepada semua kakitangan saya agar sama-sama menghulurkan bantuan ini dengan penuh rasa keikhlasan.

**Burung pipit berterbang di awan**

**Terbangnya tinggi penuh beraksi**

**UniMAP universiti fokus kejuruteraan**

**Menyangga agenda perubahan dan inovasi**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh